

Mahathir tokoh politik yang kaya pengalaman

Muka 12 (Profil) W 28 AUG 1981

DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD merupakan tokoh UMNO yang telah mengalami banyak kisah-kisah suka-duka dalam perjuangannya untuk merintis jalan ke puncak kuasa seperti yang diperolehinya sekarang.

Dr Mahathir adalah juga Perdana Menteri yang pertama di Malaysia yang datang dari kalangan doktor perubatan. Sebelum ini ketiga-tiga Perdana Menteri Malaysia adalah dari golongan sastera-peguam saja. Ini merupakan satu pemecahan rekod tradisi yang tetap tercatat dalam lembaran sejarah Malaysia moden.

Sejak kemenangan tersebut, nama beliau menjadi semakin terkenal dan beliau dianggap salah seorang intelektual Melayu yang mempunyai masa depan yang cemerlang dalam arena politik dan bermulalah kecemerlangan "career" politiknya. Suaranya yang lantang sebagai penyokong kerajaan berjaya membantu kerajaan dari selaran dan kecaman pihak pembangkang setiap kali parlimen bersidang.

Dr. Mahathir menjadi seorang penyokong kerajaan yang berani bertikam lidah dan berbahas atau berhujah dengan siapa saja dan merupakan beberapa orang di kalangan UMNO yang berani menghadapi mahasiswa universiti dalam forum-forum yang diadakan.

Karier politik Dr. Mahathir ini terganggu "buat semen tara" bila beliau mengalami kekalahan dalam pilihanraya tragis 1969 yang menurut setengah kalangan merupakan satu pilihanraya yang memerosotkan pengaruh politik UMNO.

Dr. Mahathir Mohamad lahir di Alor Setar, Kedah pada 25hb. Disember, 1925. Mula-mula mendapat pendidikan asas di Sekolah Melayu, Seberang Perak, Alor Setar dan kemudian melanjutkan pelajarannya ke Maktab Sultan Abdul Hamid di bandar yang sama.

Dalam tahun 1947 beliau melanjutkan pelajarannya ke Universiti Malaya di Singapura menuntut dalam Fakulti Ycrubatan dan berjaya mendapatkan ijazah MBBS dalam tahun 1953.

Ketika di Maktab Dr. Mahathir pernah menjadi Presiden Persatuan Islam menggantikan Allahyarham Aminudin Baki, seorang yang banyak berjasa kepada dunia pendidikan dan pelajaran tanah air.

Semasa menjadi mahasiswa itulah beliau menjalin hubungan persahabatan dengan Siti Hasmah binti Ali (Datin Dr. Siti Hasmah) yang kemudian membawa ke jinjang pelamin.

Dalam tahun 1954, beliau memasuki latihan "houseman" selama setahun dan lanjutan dari itu beliau berkhidmat sebagai pegawai pcrubatan di Alor Setar, Langkawi dan di Perlis.

Dr. Mahathir sebaik saja lulus pada tahun 1955 terus berkhidmat dengan kerajaan selama empat tahun dan meletakkan jawatan untuk membuka klinik sendiri. Kliniknya menjadi begitu popular sedang beliau terus berkecimpung dalam pergerakan UMNO yang dimasukinya sejak masih menjadi mahasiswa sehingga beliau terkenal sebagai "Dr. UMNO".

Perkahwinannya dengan Dr. Siti Hasmah binti Ali berlaku pada tahun 1956 dan sehingga kini mereka dikurniakan lima cahaya mata, tiga perempuan dan dua orang lelaki.

Kegiatan beliau dalam lapangan politik bukanlah sesuatu yang baru. Sejak tahun 1954 lagi, beliau sudah mula berjinak-jinak dan melibatkan diri dalam kegiatan berpejabat. Beliau memasuki beberapa persatuan seperti Kesatuan Melayu Kedah, Seberkas dan Kesatuan Pemuda Melayu Kedah dan akhir sekali Dr. Mahathir memasuki UMNO.

TEWAS.

Dalam tahun 1964, Dr. Mahathir telah dipilih oleh UMNO untuk bertanding sebagai calon pilihanraya bagi kawasan Parlimen Kota Setar dan beliau memenangi pilihanraya tersebut.

Beliau tewas di tangan calon dari PAS, Haji Yusuf Rawa, Yang sekarang adalah Timbalan Yang Dipertua Agung PAS dan pernah menjadi Duta Malaysia ke Iran bila PAS menyertai Barisan Nasional.

Kekalahan itu merupakan tanda awal "hari-hari yang mendung" bagi seorang tokoh yang berkaliber, intelek dan berani. Kekalahan itu amat dirasakan oleh UMNO kerana kehilangan seorang tokoh yang dapat dijadikan ayatan tambatan untuk sepenggal parlimen berkuasa kemudiannya.

Ekoran dari bunga-bunga kekealahannya itu, beliau menulis surat kepada Tunku Abdul Rahman yang ketika itu Perdana Menteri Malaysia, menyuarakan kekecewaan yang dirasakan oleh segelintir orang di dalam UMNO mengenai masalah orang Melayu.

Akhirnya, beliau disingkir dari UMNO kerana dikatakan dari tindakan menulis surat tersebut. Tiga tahun lamanya beliau menjadi "Lone Ranger" dan dalam masa di luar UMNO, beliau menunjukkan kemampuannya sebagai seorang intelek Melayu dengan menulis buku "The Malay Dilemma" yang diharamkan oleh kerajaan di zaman Tunku, Tun Razak dan Tun Hussein Onn. Buku itu menjadi best seller di luar negeri. Baru-baru ini buku itu telah pun dihalalkan semula untuk bacaan rakyat Malaysia selepas kepimpinan Mahathir-Musa dibentuk.

Hasil penulisan beliau dalam "The Malay Dilemma" memberi gelaran baru kepada Dr. Mahathir. Beliau dicap dengan murah oleh golongan tertentu sebagai "bukan" dan beliau terpaksa bekerja keras membersihkan paduan tersebut dan membuktikan yang beliau bukan anti-China atau sesiapa juga. Menurutanya, buku itu amat berguna dan telah mengalami ulang cetak kali keempat.

Dr. Mahathir dan beberapa pemimpin PAS dan Seberkas Muda Hitam mula dikenali sebagai "The Young Turks" dalam

UMNO di penghujung tahun. 1960an. Menceritakan sebenarnya apa yang telah berlaku Dr. Mahathir mengatakan;

"Saya tak faham kenapa saya digelar sebagai Young Turk waktu itu. Kita cuma berpenclapat bahawa ada beberapa masalah yang belum dibicarakan perhatian oleh pemimpin pemimpin UMNO pada masa itu. Sebab itu kita menekankan bahawa masalah ini harus dibicarakan perhatian secukupnya.

"Kita, sedikit sebanyak, mengkritik kepimpinan UMNO pada ketika itu, khususnya berkaitan dengan kedudukan orang-orang Melayu dalam bidang ekonomi. Pendapat kita berbeza sedikit dari pendapat pemimpin pada ketika itu. Mereka berpendapat orang Melayu hanya berni-

nat menjadi pegawai kerajaan saja. Sebaliknya, kita berpendapat bahawa orang Melayu berminat dalam semua bidang, termasuk bidang ekonomi. Oleh kerana bidang ekonomilah yang boleh memberikan kekayaan pada orang Melayu. maka oleh itu mereka harus diberikan tempat.

TEKTIK

"Dalam bidang pelajaran juga pada ketika itu, tidak berpatutan untuk orang-orang Melayu. Kita menyuarakan pendapat kita ini dan walaupun pemimpin sendiri tidak menganggap kita Young Turk, tetapi ada pemerhati dari luar, terutama akhbar-akhbar yang dikuasai oleh orang-orang asing.

"Mereka merasa tidak gembira apabila perhatian ditumpukan kepada masalah ini. Mereka cuba mengadakan label kerana ini adalah suatu taktik politik.

"Jika kita berikan seseorang itu suatu label, apa juga yang dibuatnya dikaitkan dengan label, itu. Oleh kerana kita digelar Young Turks, walaupun permintaan kita itu munasabah ia tetap dianggap keterlaluan. Inilah strategi politik. Saya diberi label 'extremist', 'ultra', dan macam-macam lagi untuk memburukkan apa saja yang saya kata. Saya bukanlah Young Turk. Saya tidaklah memberontak menentang sesiapa pun..." (Nadi Insan, September, 79 hal. 5).

Ketika menjelaskan samada pucuk pimpinan UMNO ketika itu merasa terancam oleh kritik-kritik yang beliau berikan Dr. Mahathir berkata:

"Saya tak fikir bahawa mereka merasa terancam, tetapi saya rasa, kritikan ini telah merumitkan urusan mereka. Menang tidak ramai orang yang suka tahu tentang masalah, sedangkan kita perlu menghadapi masalah itu. Saya selalu suka menyebutkan tentang masalah. Saya bukan bertujuan untuk mengancam."

Sejarah perjuangan politik Dr. Mahathir boleh dikatakan penuh dengan pancaroba dan pengalaman suka duka. Walau bagaimanapun beliau telah berjaya mengatasi masalah-masalah yang timbul seperti, disingkirkan dari UMNO, kalah pilihanraya tahun 1969, dicap ultra oleh beberapa golongan bukan Melayu menjadi sasaran kritik oleh beberapa golongan dakwah dsbnya. Dalam hubungan ini beliau mengujah:

"Analisa saya ialah, kalau saya hendak berjaya dalam politik, saya tidak boleh putus daripada punca kuasa itu, iaitu UMNO. Sebab itu bila saya dibuang dari UMNO dulu, saya tidak membuat sesuatu yang akan menghalang saya terus dari UMNO. Saya bercakap di pentas PAS, bukan sebagai ahli PAS, tetapi hanya mengambil peluang, untuk memberikan pendapat saya.

SOKONGAN

66

"Bahkan datang pula golongan-golongan yang mencari salah untuk mendapat sesuatu pada diri mereka. Ini pendapat sayalah, setuju atau tidak. Tetapi orang-orang ini mencari salah dengan kerajaan dengan harapan daripada itu akan dapat sokongan pada diri mereka, dan mereka membawa pendapat berasaskan kepada sosialisme kerana dianggap kerajaan kita ini tidak sosialis, bahkan ianya komprador kapitalis..."

Dalam hubungan ini Dr. Mahathir berhujah, "Jadi orang ini membawa perkara ini bukannya kerana keadaan yang sebenar tetapi memanglah dalam politik satu strategi untuk mendapat sokongan kepada kita ialah dengan menimbulkan kebencian kepada orang lain.

"Jadi walaupun bendi itu ada, ia direka, dikatakannya ada dan diulang-ulang kali. Jadi adalah satu per-selisihan di antara penuntut Melayu. Pada penuntut bukan Melayu, saya ingat tidak ada masalah.

"Selagi kita dapat sokongan daripada penuntut tidak ada masalah. Jadi orang yang menganggap kuasa UMNO ini sebagai terlalu kuat ingin mencari jalan untuk mengurangkan kuasa ini kalau ia dapat mengurangkan sokongan orang Melayu kepada UMNO. Jadi dia gunakan 'socialist ideas, ideologies and discipline in order to condemn Uhl-NO leadership'..."

Pada anggapan setengah kalangan Dr. Mahathir pernah dipanggil sosialis kerana beliau pernah meramalkan bahawa Malaysia boleh menjadi sosialis pada tahun 2,000.

Anggapan ini ditolak dengan katanya, "Bukan saya sosialis. Saya disuruh menulis sebuah artikel berkenaan dengan masa depan negeri kita. Pada masa itu ada tanda-tanda bahawa banyak orang mirip kepada sosialisme. Saya kata ada kemungkinan bahawa dalam tahun 2,000 negara kita jadi sosialis. I'm not always right".

Menurutnya lagi "Saya kena question oleh polis pada masa student dulu... Tapi tak tuduh sosialis. Lots of people think they are socialists. The only thing the British were worried about was nationalism kerana nasionalisme bermakna memamatkan penjajahan. Samada nasionalis bercorak sosialis atau apa-apa pun tak jadi masalah. Dia tidak hendak nasionalisma..."

Tentang pandangannya terhadap kegiatan dan motif perjuangan politik dulu dan sekarang, menurut Dr. Mahathir, "... Bhsyarakat sekarang lebih sophisticated, dari masa saya mula mula menceburkan diri dalam politik, tahun 1946 dulu.

"Sekarang sudah ramai orang-orang intelek sudah ramai doktor dan peguam, jadi kegiatan politik ini lebih sedikit. Kita tidak mudah menumpukan perhatian kepada masalah yang besar-besar saja. Perkara-perkara kecil dipun

Jadi kejayaan saya setakat ini sebahagiannya adalah kerana nasib, dan sebahagian lagi kerana analisa tentang the forces dan bagaimana kita dapat mengatasi forces itu. Kita mesti lihat sikap orang Melayu, adat resamnya dan lain-lain. Bermonggo harus kita tahu kalau hendak mencapai kejayaan. Kalau kita tidak memperdulikan nilai-nilai orang Melayu kita tidak mungkin berjaya.

"Saya kalah dalam tahun 1969 bukan kerana tidak jaga Melayu tetapi kerana tak jaga Cina. Orang Melayu pendirian sudah tetap, kalau UMNO tetap UMNO, kalau PAS tetap PAS. Di antara tahun 1964 dan 1969 saya hanya bercakap dengan orang Melayu, maka orang Cina pun marah. Mereka keluar undi dan bagi pada PAS, bukan kerana saya mengkritik PAS tapi kerana marahkan saya. Jadisaya kalah.

"Maka saya sedar bahawa orang Cina pun ada kegunaan untuk kita. Kita tidak boleh tekankan mereka. Kita mesti cari jalan untuk menolong orang Melayu. Maka saya pun insaflah.

Saya tidak berubah, hanya strategi berlainan sedikit setelah saya fahamnya..." (Nadi Insan, September 79, hal. 9).

Berikutan dari peristiwa 13 Mei, Dr. Mahathir telah menerima sokongan kuat dari golongan penuntut Melayu tertentu. Semasa mengulas perbezaan pergerakan pelajar ketika itu dengan pergerakan pelajar pada penghujung tahun 1974 yang dipetik dari majalah yang sama, Dr. Mahathir berkata:

"Keadaan universiti pada ketika itu berbeza dari keadaan sekarang. Pada waktu itu, bilangan penuntut Melayu di universiti begitu kurang. Mereka merasa terhimpit dan tertindas. Mereka menganggap bahawa kerajaan yang dipimpin oleh UMNO adalah peundung mereka. Oleh itu, tidak wujud pertentangan pendapat penuntut-penuntut Melayu dengan kerajaan pada ketika itu.

"Bedanya dengan sekarang ialah kerana penuntut Melayu, di universiti begitu ramai mereka tidak lagi merasa terancam atau tertekan oleh sesiapa pun.

"Pada umumnya mereka merasa bebas. Lebih-lebih lagi, pegawai-pegawai dan pensyarah-pensyarah di universiti telah ramai terdiri dari orang-orang Melayu. Perasaan inginkan pada perlindungan sudah tidak ada. Inilah bedanya..."

Beliau selanjutnya menambah, "... Sebab itu mereka tidak begitu bersimpati dengan orang-orang dalam pemerintahan. Sebahagian dari mereka tidak ada simpati, mereka menganggap perlindungan itu tidak perlu lagi kerana mereka sudah pulih dan baik, dan tak payahlah kita minta tolong dari orang lain.

terpaksa dihadapi dan dihalusi.

"Dulu kita berjuang menuntut kemerdekaan dan mendapat sokongan dari semua orang. Tetapi sekarang berbagai masalah telah timbul jadi kita mesti cari ahli politik menyelesaikan semua masalah kita. (Majalah Nadi, Mei 1976 hal. 7).

Selama mana UMNO dapat bertahan sebagai tunjang dalam Barisan Nasional yang menjadi parti pemerintah, Dr. Mahathir dalam hubungan ini berkata, "... Saya ingin menjawab secara negatif. Apa akan jadi pada bangsa kita jika tidak ada UMNO? Saya tidak tahu apa akan terjadi pada orang Melayu jika tidak ada UMNO. UMNOlah tunjang kehidupan orang Melayu. Saya penuh yakin UMNOlah yang dapat menjamin nasib bangsa kita pada masa akan datang. Tentang selama mana UMNO akan menjadi parti tunjang dalam Barisan Nasional saya percaya, lama jugalah lagi masanya..."

Jadi, apa yang patut dilakukan oleh orang Melayu khususnya ahli-ahli UMNO untuk menjaga keutuhan UMNO, menurut Dr. Mahathir:

... Orang-orang Melayu harus sedar bahawa mereka belum boleh berperang sesama sendiri. Jangan sekali-kali mencari sebab-sebab tidak benar, membuat tuduhan untuk menjatuhkan satu sama lain, kerana orang lain akan mengambil peluang menggunakannya untuk memecah-belahkan orang-orang Melayu sendiri. ...

Dr. Mahathir pernah dianggap sebagai ultra oleh setegah kalangan tertentu. Menurutnya maksud ultra itu ialah "Ultra maknanya melampau. Tapi, saya tidak tahu apakah yang telah saya lakukan sehingga saya dikatakan melampau? Perdana Menteri Singapura Lee Kuan Yew pernah menuduh saya ultra.

"Sebuah rencana dalam majalah Time juga ada menyebut saya sebagai ultra. Nampaknya saya telah diberi label ultra. Jadi apa juga tindakan saya dianggap ultra, sehingga melarang penuntut-penuntut menghisap dadah pun saya dianggap ultra. Sedangkan ada orang lain yang membuat kenyataan yang lebih keras lagi dari saya tidak pula dianggap ultra." (Mastika, Mei 76 hal. 8).

Pandangan Dr. Mahathir tentang para intelek kita yang tidak gemar berpolitik adalah, "Mereka ini menganggap perjuangan melalui politik sebagai tidak penting kerana mereka mempunyai pendapat dan latar belakang yang berbeza. Tapi, jika diteliti melalui politiklah kita dapat menentukan pendirian negara kita.

Melalui politiklah kita mencapai kemerdekaan. Kita tidak payah lagi memanggil 'tuan' kepada orang Inggeris yang menjajah kita, tetapi kitalah yang menjadi 'tuan'. Kuasa politik ini dapat kita kekalkan jika kita tidak berpecahbelah..."

Nasihatnya kepada mereka yang baru masuk UMNO. "Orang baru mestilah sabar sedikit. Janganlah kerana ada ijazah terus mahu jadi Ketua Bahagian. Saya pun dulu menjadi ahli biasa saja. walaupun saya merupakan salah seorang dari pengasas UMNO Kedah.

Setelah 18 tahun menjadi ahli biasa baru dapat jadi calon pilihanraya. Dan setelah 28 tahun jadi ahli UMNO baru dapat jadi menteri. Itupun saya tak sangka nak jadi Timbalan Perdana Menteri. Saya rasa jadi menteri saja pun sudah cukup besar. . ."

Katanya lagi, "... Untuk masuk dalam UMNO mesti ada niat yang bersih. Masuk UMNO kerana semata-mata mahu berkhidmat. bukan kerana nak menggulingkan orang lain. Itu tak baik . . ."

SI KAP

Perjuangannya setelah 35 tahun dalam alun-alun dalam arus gelombang perjuangan UMNO kesudahannya ia beliau menjadi Perdana Menteri Malaysia Keempat menggantikan Tun Hussein Onn baru-baru ini.

Kenangan manis beliau semasa bekerja dengan Allah-Yarham Tun Abdul Razak, sifat sifat Tun yang ideal menurut pandangan Dr. Mahathir:

"... Bekerja dengan dia seronok. Perhubungan kami mesra. Sifat idealnya, Tun kuat bekerja. Payah nak cari orang macam Tun. Sebagai orang yang tahu tidak lama lagi akan mati, ia masih bekerja kuat tanpa memikirkan kepentingan diri. Biawnya kalau seseorang itu sakit, atau ia tahu ia akan mati, orang itu akan bersikap minta dikasihani. Dia suka kalau kita datang bawa buah-buahan, bawa bunga atau lain-lain. Tapi Tun tidak. Ia bekerja untuk tidak dikasihani. Saya gembira kalau boleh bekerja kuat macam Tun..." (Mastika, Mei '76, hal. 9).

Dr. Mahathir juga merupakan seorang penulis yang tajam pena sejak dulu lagi dan kerana ketajamannya menghincangkan perkara-perkara, yang ada hubungan dengan masalah orang-orang Melayu dalam bukunya "The Malay Dilemma" sehingga diharamkan penjualannya di negara ini. Pengharaman itu ditarik balik pada 29 Julai 1981.

Beliau menulis dari sejak menjadi mahasiswa lagi

semua mesti terlibat dengan alam sekeliling. Itulah yang saya hendak bincangkan dalam buku itu . . ."

Faktor lain menurutnya, "... Satu perkara lagi ialah komunis (banyak orang telah meramalkan bahawa orang Melayu kita akan kekal dengan ajaran Islam selama-lamanya. Mereka ini boleh silap). Pada perhatian saya, ada lagi orang yang 'lebih Islam' yang sekarang jadi komunis.

"Lebih" dalam erti 'lagi lama' misalnya, orang Arab lebih lama daripada kita, tapi tengoklah beberapa negara Arab baru-baru ini. kerajaan Marxist bukan Islam tapi sosialis..." (Nadi Insan, Sept. '79, hal. 8).

Beberapa pendapatnya dari buku The Malay Dilemma dan Mengharap Cabaran sepanjang kontroversi dan perbandingan pendapatnya dengan Prof. Sved Hussein Alattas akan ditulis dan cuba dibincangkan dalam tulisan yang berasingan.

Sesetengah pendapatnya terhadap faktor genetik dari buku ini ditulis di wawancara oleh Nadi Insan samada ini. Beliau pernah berpendapat itu sekarang ini, Dr. Mahathir berkata:

"... Boleh jadi semua orang Melayu, tetapi soal genetik tetap memberi kesan kepada generasi yang akan datang. Genetik faktor lebih berkesan di kalangan orang Melayu ialah kerana adat orang Melayu - iaitu mereka suka berkahwin antara sepupu. Oleh itu banyak kelemahan dijadikan hereditary.

Di kampung-kampung tiap-tiap orang digalakkan berkahwin, ibubapa sering menguruskannya, jadi kelemahan kelemahan itu berlarutan. Di masyarakat Barat, orang-orang cacat seperti tak siaman, bodoh dielakkan berkahwin, jadi kesannya mati di situ.

Jadi kesan genetik itu tidaklah buruk sangat kalau adat tidak menggalakkan. In the western system, the tendency is for the bad qualities to die off . . . In fact they even try to sterilize, like Hitler punya Germany, idiot dia sterilize . . . what he did may be bad morally . . . but the scientific mind works that way. So when I make an analysis I just say what I observe to be the truth. It doesn't apply to us only. It happens to a lot of people. Only there is more among the Malays because of these factors.

67

dengan memakai nama samaran Che Det. Fokus tulisannya banyak menimbulkan ideal-ideal baru, meliputi soal orang-orang Melayu dan kemiskinan, mereka serta soal-soal luar bandar yang lain.

Menurut setengah kalangan Dr. Mahathir pernah menulis cerpen dengan nama pena M. Iskandar dalam sebuah majalah tempatan. Menurut Dr. Mahathir, "Menulis cerpen ini susah sedikit. Lebih senang menulis rencana." Saya banyak menulis rencana semasa menuntut di universiti dulu. Wang bayaran menulis hingga dapat membeli sebuah motorsikal. Saya juga pernah menjadi penulis bebas dengan nama C.H.E. Det . . ."

Selain dari itu Dr. Mahathir adalah salah seorang pemimpin pihak berkuasa yang telah berusaha menulis buku dan mencuba memberi pandangan tentang masalah-masalah penting mengenai soal-soal masyarakat Melayu, selain dari golongan yang menerbitkan Revolusi Mental.

Sebagai perseorangan hanya Dr. Mahathir dan Tengku Abdul Rahman Putra yang telah mengarang buku daripada pihak yang berkuasa. Datuk Senu bin Abdul Rahman lewat 1976 telah mengarang satu pamflet berjudul "Keselamatan Sudah Tidak Terjamin" terbitan Pustaka Antara, Kuala Lumpur.

Bukunya bertajuk "The Malay Dilemma" telah menimbulkan kontroversi, terutamanya berkaitan dengan pendapatnya bahawa kemunduran orang-orang Melayu di sebabkan oleh beberapa faktor termasuk faktor genetik atau keturunan. Kandungan buku itu juga telah mempengaruhi pengubalan Dasar Ekonomi Baru.

Menurut kalangan tertentu, di antara matlamat DEB iaitu membandarkan kawasan-kawasan luar bandar atau pedesaan diambil dari isi kandungan buku itu. Ada lain-lain ideal yang turut diambil dari buku itu yang antaranya terdapat dalam DLB.

Selain dari buku "The Malay Dilemma" Dr. Mahathir juga mengarang sebuah buku lain yang bertajuk "Menghadapi Cabaran". Buku ini diterbitkan oleh Pustaka Antara, Kuala Lumpur pada tahun 1976 dulu.

FAKTOR

Antara faktor yang mendorong Dr. Mahathir menulis buku "Menghadapi Cabaran", ialah " . . . Kita tengok masalah pelajaran, satu perkara yang besar. Dulu orang Melayu kita kekurangan pelajaran. Tetapi sekarang bila kita sudah ada pelajaran, datang pula orang yang mengatakan pelajaran itu sekular dan bertentangan dengan ajaran Islam.

Adakah ini betul? Dalam buku itu saya menjelaskan bahawa ilmu yang kita pelajari dari Barat itu datangnya dari orang Arab berasaskan betul-betul pada masa kegemilangan Islam. Tetapi malangnya ilmu itu datang pada kita melalui orang-orang Barat

Pada zaman Renaissance, orang-orang Barat meniru ilmu-ilmu dari orang Islam dan memberi nama yang kita tidak kenal lagi, seperti algebra; dan macam-macam lagi. Diberikannya kepada kita sebagai ilmu-ilmu Barat.

Maka kita orang Islam khawatir bahawa ini semua pelajaran sekular. Tapi ini adalah way of life, sebab kita

PERANAN

" . . . Jadi apa yang saya katakan dalam buku itu, bukan genetik memainkan peranan semata-mata, ada juga faktor lain. Tapi genetik dicampur dengan adat telah memberi kesan yang buruk. Sekarang adat itu tidaklah sangat macam dulu. Anak-anak muda kita sekarang membuat pilihan sendiri, tak mungkin pula seseorang yang cerdas memilih teman yang bodoh atau cacat . . ."

Wakil Nadi Insan dalam wawancara itu mengatakan: " Berkaitan dengan soal-genetik ini, beberapa persoalan pernah timbul. Misalnya inbreeding ataupun perkahwinan antara saudara berlaku di kalangan orang India dan orang Cina juga.

Lagipun amalan ini di kalangan orang Melayu bukan hanya di peringkat kampung saja. Antara orang atasan berlaku juga - Tengku dengan Tengku atau Syed dengan Sharifah. Dan peranan faktor genetik pula dalam pembentukan wajaran, peribadi seseorang itu masih banyak dipersoalkan dalam kalangan ahli-ahli sains.

Tambahan pula jika kita terima bahawa kemunduran orang Melayu di sebabkan oleh faktor genetik, kita terpaksa mengaku bahawa usaha-usaha untuk memajukan masyarakat Melayu ke taraf yang sama dengan kaum lain akan terus menghadapi kegagalan. Saya rasa kita tak boleh terima pendapat seperti itu . . ."

Ini di jawab oleh Dr. Mahathir sebagai berikut: "Wrong. That's wrong because I didn't say it's purely that. It's related to the practice of inbreeding and that practice can be terminated . . . I'm not going to say that orang Melayu sampai bila-bilapun tak boleh berubah. That's nonsense. Otherwise I won't be trying to uplift them of do something for them. . ."

Ada baik rasanya diturunkan beberapa pandangan Dr. Mahathir hasil wawancara majalah Asia Week yang kemudiannya diterjemahkan pula oleh majalah Nadi Insan, Julai 1981, terhadap beberapa perkara penting.

Mengegi samada dasar-dasar ekonomi Malaysia telah mengakibatkan jurang perbezaan di kalangan Melayu selain daripada jurang perbezaan antara kaum Datuk Seri Dr. Mahathir dipetik sebagai berkata:

"Dari satu segi, saya percaya adalah benar bahawa jurang perbezaan di kalangan Bumiputera sedang bertambah luas. Tetapi kami berpendapat ini mencerminkan kejayaan DEB. DEB mempunyai dua matlamat untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat supaya peranan ekonomi tidak berkait lagi dengan kaum.

"Ini bermakna bahawa jika terdapat jutawan Cina di Malaysia jutawan Bumiputera juga patut wujud. Sekarang terdapat beberapa jutawan Bumiputera sedangkan dulu tiada.

Maka, nyatalah kita akan dapati perbezaan, tetapi bagaimana kami dapat menyusun semula masyarakat tanpa adanya perbezaan? Apa yang penting bukanlah perbezaan tetapi taraf perbezaan.

Sebuah masyarakat yang seratus peratus suksekama tidak ada wujud. Jika setiap rakyat Melayu memajukan

jutawan, kami akan menjadi bangsa yang sungguh miskin. Kerja Yang sedikit akan memerlukan perbelanjaan sejuta ringgit. Ini adalah sesuatu yang harus rakyat memahami.

Mengenai usaha anti-komunis di Malaysia, Dr. Mahathir dipetik sebagai berkata. " . . . Saya percaya kami telah mematah gerakan komunis di Malaysia. Tetapi sama seperti gerakan lain seumpamanya, terasnya, yang masih setia kepada kepercayaan mereka, akan terus hidup walaupun segalanya sudah berlainan.

"Saya fikir kami terpaksa menerima hakikat ini Kami dapat menyekatnya dan kami bersedia menentang mereka selama mereka mahu terus berjuang.

"Sebenarnya saya tidak fikir gerakan komunis dapat dihapuskan seratus peratus . . ."

"Usaha untuk menerima mereka, menyesuaikan diri untuk mereka, membuat damai dengan mereka tidak memberi manfaat. Pada waktu yang sama kami akan meneruskan langkah-langkah sosial bagi menyakinkan rakyat bahawa komunisma tidak merupakan pilihan untuk negeri ini".

"Saya rasa kami telah menyakinkan kebanyakan rakyat kami . . .". Demikian beberapa pandangan beliau yang dipetik dari Asia Week di samping beberapa buah yang lain yang tidak dipaparkan dalam tulisan ini, rasanya pembaca boleh mencarinya sendiri dari majalah tersebut.

"Beliau bukan saja akan terus memberi inspirasi kepada generasi kita, tetapi juga akan menjadi sumber inspirasi bagi generasi-generasi yang akan datang". Demikianlah petikan ucapan Prof. Ismail Hussein selaku Kctun Satu Gapena.

Demikianlah ucapan seorang intelektual Melayu yang begitu gigih berjuang untuk menyumbangkan baktinya kepada bangsa dan negara pada seorang pemimpin yang telahpun dilantik sebagai waris teraju kepimpinan negara

Sebenarnya kata-kata itu adalah satu kebenaran. Ianya tak punya pengertian selebih dari itu. Itulah kata kata yang akan menjadi kesimpulan bila ada orang yang mahu memperkatakan tentang Dr. Mahathir Mohamad.

Beliau punya kebolehan, kemampuan dan keistimewaan untuk menerima hakikat pada kenyataan tersebut. Iaitu "sebagai seorang pemimpin yang dapat menjadi sumber iaspirasi bagi generasi-generasi yang akan datang".